

Pengharaman vape di kampus

Semua capai kata sepakat, tolak vape dan rokok di universiti

Susulan kenyataan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh berkenaan pengharaman vape dan rokok di kampus, ramai yang melahirkan rasa gembira mereka dengan berita ini. Paling melonjak kegembiraan tentulah semua mahasiswa di pusat pengajian tinggi yang selama ini amat mengharap agar rokok elektronik ini tidak berlegar-legar di kampus masing-masing.

Menghisap vape bukanlah satu tabiat yang perlu dibanggakan oleh semua orang. Ini kerana ia berupaya mendatangkan banyak kesan buruk kepada penggunanya sama seperti menghisap rokok.

Banyak lagi perkara yang bermanfaat boleh dilakukan oleh pengguna tegar vape dalam menghentikan tabiat mereka itu. Seperti kata ramai mahasiswa dari pusat pengajian tinggi... "universiti menyediakan banyak aktiviti berfaedah untuk disertai oleh para penuntut. Daripada anda buang masa, buang duit dengan vape, lebih baik cebur diri dengan program mahupun aktiviti di kampus."

Menyadari trend masa kini yang memperlihatkan vape mula menjadi pilihan

ramai dan kian menular dalam kalangan remaja khususnya pelajar sekolah, *Isu Kampus* kali ini mendapatkan pandangan daripada pengurusan universiti dan beberapa mahasiswa tentang vape. Rata-ratanya menyokong penuh penguatkuasaan larangan yang mewartakan universiti awam sebagai kawasan larangan penggunaan vape.



- Lebih mudah, bergaya dan moden
- Kos agak mahal tetapi bertahan lebih lama
- Banyak pilihan dari segi jenis, reka bentuk, perisa dan aroma
- Tidak memerlukan pembakaran
- Tidak ada abu dan tidak berbau tembakau
- Pengeluaran asap/wap boleh mengganggu orang sekeliling jika penggunaanya kurang sensitiviti
- Kadar nikotin yang rendah (sesuai untuk perokok yang ingin berhenti atau mengurangkan aktiviti merokok)
- Rokok elektrik atau vapor tidak mengandungi Tar
- Tidak membuat gigi menjadi kuning
- Baterinya boleh dicas semula dan boleh tahan dua hingga tiga jam (bergantung pada cara penggunaan)
- Rokok elektronik atau vapor mampu bertahan penggunaannya antara satu hingga tiga tahun
- Belum diketahui zat apa yang dihisap

Sumber: www.albaraqah.info

Rokok elektronik mudaratkan kesihatan

TREND terkini masyarakat Malaysia adalah penggunaan vape. Kegilaan masyarakat terutama remaja kini telah menular ke segenap lapisan masyarakat sehingga menjadi trend terbaharu pada kanak-kanak. Kawasan kampus telah diwartakan sebagai kawasan bebas rokok. Perharaman ini adalah berdasarkan beberapa faktor iaitu merokok membahayakan kesihatan, budaya merokok bersalahan dengan budaya kampus dan juga keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan yang bersidang kali ke-37 Mac 1995 bersetuju memutuskan merokok adalah haram dari pandangan Islam.

Pengarah, Pusat Kesihatan Universiti Usim, Dr Nik Mohd Shafikudin Md Taujuddin, 34 berkata, dari segi risiko kesihatan disebabkan vape, kajian terus dijalankan kerana ia trend baharu.

"Vape mempunyai pelbagai perisa dan setiap perisa mempunyai kandungan campuran bahan kimia yang berbeza untuk memberikan rasa. Campuran bahan kimia ini tidak dinyatakan pada bekas cecair vape yang mendedahkan pengguna terhadap bahaya bahan kimia yang tidak terkawal. Penggunaan bateri untuk pembakaran secara dalaman untuk menukarkan cecair kepada bentuk wasap adalah sangat berbahaya. "Suhu tinggi dan tekanan yang



berlaku di dalam vape jika tidak dapat dikawal akan menyebabkan letupan. Sudah banyak insiden kecederaan disebabkan berlaku letupan vape. Wasap yang disedut mempunyai saiz partikel yang lebih halus daripada asap, lebih reaktif dan lebih mudah diserap oleh tubuh manusia melalui paru-paru. Wasap yang mengandungi campuran bahan kimia berbahaya, radikal bebas dan logam berat walaupun dalam kandungan sedikit akan memberikan kesan terhadap kesihatan jika disedut dalam jangka masa panjang," katanya.

Dalam kajian terkini dilakukan ketua peneliti dan profesor University of Rochester Medical Center, Irfan Rahman, kesan vape terhadap kesihatan adalah lebih tinggi daripada rokok biasa. Namun masyarakat kita

mempunyai hipotesis sendiri untuk menghalalkan penggunaan vape. Sering kedengaran menghisap vape adalah seperti menyedut wasap air, namun kenyataan itu salah sama sekali. Penyakit yang boleh dialami bebas daripada bahan kimia akan bertindak balas dengan sistem tubuh yang menyebabkan berlaku gangguan keseimbangan sistem tubuh. Bahan kimia, radikal bebas dan logam berat dalam campuran cecair vape ini dikuatir akan meningkatkan kesan terhadap risiko kanser, kerosakan buah pinggang dan pelbagai risiko kesihatan seperti rokok biasa.

Katanya, mahasiswa harus menjauhkan diri daripada budaya negatif. Mereka sebagai pendokong generasi pelapis negara perlu menunjukkan teladan baik kepada masyarakat agar mereka dapat membuat penilaian dan turut sama menjalani gaya hidup sihat. Gejala penggunaan vape dalam masyarakat Malaysia semakin parah. Mahasiswa seharusnya mengambil peranan memperbetulkan suasana tidak sihat ini daripada terus menjadi barah. Mereka harus berani memberikan tindak balas bersesuaian untuk menangani isu vape dengan hasrat membendung gejala negatif dan membudayakan amalan gaya hidup sihat.

Mahasiswa mesti patuh keputusan universiti

"HAMPIR setiap hari kita melihat mahasiswa bertalut-talu diserang pemikiran dan agenda hidupnya. Saya memerhatikan masih ramai kelompok siswa yang cair identitinya, hilang agenda hidup dan lebih sibuk dengan urusan peribadi sehingga lupa pada peranan mereka pada agama, bangsa dan negara. Tidak sekadar itu sahaja, sekarang segolongan mahasiswa akan menghabiskan masa dan wang pada rokok elektronik," kata Presiden Persatuan Belia Islam Nasional (Pembina), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Muhammad Azam Asri.



Katanya, usaha yang dilakukan universiti awam untuk diharamkan vape perlu disokong oleh mahasiswa, kerana vape bukan aspirasi mahasiswa yang tinggi nilai akademik dan aktivisme.

"Cuba kita perhatikan, budaya menghisap vape ini adalah budaya di luar adab kita sebagai masyarakat

yang masih ada identiti ketimuran yang baik. Adakah kita ingin melihat bakal pemimpin negara, pencorak ekonomi masa depan, pembuat dasar-dasar kerajaan dan pendidik mempunyai budaya menghisap vape pada waktu lapangnya? Saya yakin, mahasiswa rasional pasti akan menolak budaya ini," kata Muhammad Azam dalam satu kenyataannya.

Dalam waktu ekonomi yang menekan penuntut seperti yuran dan saman meningkat, mahasiswa tidak perlu memperuntukkan wang ke arah pembelian vape.

"Duit yang digunakan untuk menghisap vape sangat tinggi. Adakah cukup amanah seorang mahasiswa yang menggunakan duit perbelanjaan untuk dihabiskan pada aktiviti vape sedangkan duit itu diperlukan untuk tujuan pendidikan? ujarnya.

Mengulas lanjut, Muhammad Azam berkata, mahasiswa perlu sedar mereka adalah golongan yang diperhatikan masyarakat untuk menilai masa depan bangsa, agama dan negara.

"Saya menyeru pada mahasiswa untuk tingkatkan potensi diri dan dibangunkan melalui pelbagai wadah dengan melibatkan diri secara langsung dengan persatuan universiti atau NGO yang membantu masyarakat. Mereka perlu mengisi masa lapang dengan aktiviti bermanfaat dan menetapkan agenda hidup dengan jelas," katanya.

USM sokong haram guna vape di kampus

UNIVERSITI Sains Malaysia (USM) menyokong penuh usaha mengharamkan penggunaan vape di kampus universiti.

Naib Canselor USM, Profesor Datuk Dr Omar Osman berkata, pihaknya menyokong penuh usaha ini apatah lagi USM sudah lama mewartakan seluruh premis kampusnya termasuk di Nibong Tebal, Bertam dan Kubang Kerian Kelantan sebagai kawasan larangan merokok.

"USM mempunyai pasukan pemantau yang membantu memastikan tiada pelanggaran terhadap peraturan ini.

"Di samping itu, kita juga akan mewartakan segera larangan penggunaan vape dan shisha di semua kampus dan premis USM, sama ada di dalam mahu pun luar bangunan kepada warga kampus, pelawat mahu pun orang luar," tegas Omar.

Libatkan diri dengan pelbagai aktiviti

"SAYA melihat ini tindakan tepat dalam kita mencegah penggunaan vape dalam kalangan penuntut. Sebenarnya, vape atau asap rokok boleh menyebabkan gangguan kepada mahasiswa sehingga boleh menimbulkan persekitaran kurang kondusif kepada mahasiswa lain terutama sekali ketika mereka sedang belajar.

"Saya juga melihat, jika berlaku kejadian vape meletup dan mendatangkan kecederaan kepada si pengguna, apa yang akan terjadi pada mereka yang berada di sekitar? Di universiti pula, ia tentunya akan menjadi kelam kabut dan ini akan menyebabkan masalah besar di luar jangkaan," tegas pandangan diutarakan Pengerusi Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan, Muhammad Anas Misbahudin.

Katanya, denda atau saman wajar dikenakan kepada mereka sebagai pengajaran. Dalam masa sama, berikan nasihat dan



kaunseling untuk mereka. Bagi melupakan vape, mahasiswa dinasihatkan menyibukkan diri dengan bersukan, kepimpinan, kerohanian dan sukarelawan yang boleh menyihatkan badan serta melatih jati diri mahasiswa. Selain itu, jangan cepat terpengaruh dengan budaya negatif kerana ia akan mencerminkan jati diri mahasiswa itu sendiri.

Usim akan keluarkan garis panduan

NAIB Canselor Usim, Prof Datuk Dr Musa Ahmad dalam ucapan sempena majlis perhimpunan kakitangan bersama naib canselor di Dataran Canselor baru-baru ini, memaklumkan universiti memandang serius isu penggunaan vape kini dan tindakan penguatkuasaan sewajarnya akan diambil.

"Suka untuk saya ingatkan bahawa kampus merupakan kawasan larangan bagi merokok dan vape. Kita mengambil pendekatan bahawa Muzakaroh Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwah Ugama Islam Malaysia kali

ke-37 yang bersidang pada 23 Mac 1995 telah membincangkan isu Hukum Merokok Dari Pandangan Islam dan telah bersetuju memutuskan bahawa "Merokok adalah Haram dari pandangan Islam kerana padanya terdapat kemudaratan".

"Di peringkat Usim, Pejabat Undang-Undang dan Bahagian Hal Ehwah Pelajar telah diminta untuk menyediakan garis panduan berhubung larangan vape serta penguatkuasaan undang-undang oleh jabatan keselamatan untuk memastikan kampus Usim bebas rokok dan vape. Garis panduan

ini dijangka siap pada pertengahan Disember ini dan akan dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2016. Hukuman yang dicadangkan nanti dalam bentuk tata tertib dan denda.

"Ini adalah kerana rokok elektronik (vapor) qiyas kepada rokok sebenar dan kenyataan pakar menunjukkan ia mudarat. Selain itu ia dianggap sebagai pembaziran, meniru budaya yang bukan Islam dan dilihat tidak bermaruah. Sebagai institusi yang memartabatkan Islam, maka kitalah yang sewajarnya perlu ke hadapan dalam menonjolkan akhlak Islam," katanya.

REAKSI

"Saya berterima kasih kepada semua naib canselor dari 20 universiti awam kerana berjaya mencapai kata sepakat untuk mengharamkan penggunaan vape dan rokok di kampus. Insha-Allah, Aswara juga akan ikut jejak langkah sama."

- Rektor Aswara, Prof Dr Hatla Azad Khan



"Sokong 100% larangan vape di kampus. Vape bukan budaya manis bagi anak muda apatah lagi untuk siswa. Bila anda tidak hisap vape, duit PTPN dan biasiswa boleh digunakan untuk kegunaan bermanfaat."

- Siswa UM, Ahmad Herman Rodzi



"Vape adalah trend paling tersohor sekarang. Ia tidak membawa sebarang manfaat sebaliknya mendatangkan mudarat berpanjangan terhadap kesihatan."

- Siswa UPSI, Mc Lly Adrian Simon



"Isu vape mula timbul apabila ramai perokok tegar menggunakan vape sebagai alternatif kepada ketagihan rokok. Bila ramai pengguna, vape mula mencipta popularitinya tersendiri. Meskipun dari sudut bau, kesan sampingan kepada diri dan orang lain, rokok adalah lebih bahaya daripada vape, tetapi kedua-duanya tetap membawa mudarat. Bukan sahaja dilarang untuk diamalkan dalam kehidupan tetapi pandangan agama juga ia tidak diharuskan."

- Siswa UM, Abdul Rah'man Mahadi



"Vape ada baik dan buruk, namun vape juga boleh menjana pendapatan sampingan untuk siswa jika tidak diharamkan. Aktiviti vape tidak kira kepada pengguna @ perjual perlu mengikut garis panduan yang ditetapkan."

- Siswa UniKL MIAT, Mohamad Ali Izudin Abdul Razak

